

POVIDIN SOLUTION

Povidone-Iodine (10% w/v)

Apakah yang ada pada risalah ini?

1. Apakah kegunaan Povidin Solution
2. Bagaimana Povidin Solution berfungsi
3. Sebelum menggunakan Povidin Solution
4. Cara menggunakan Povidin Solution
5. Semasa menggunakan Povidin Solution
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Povidin Solution
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Povidin Solution

Ia digunakan untuk merawat luka tercemar, luka, kulit melecet dan jangkitan kulit yang ringan.

Bagaimana Povidin Solution berfungsi

Povidin adalah antiseptik, iaitu bahan antimikrob yang membantu mengurangkan kemungkinan jangkitan.

Sebelum menggunakan Povidin Solution

-Bila tidak boleh menggunakan

- Jangan gunakan ubat ini jika anda alah (hipersensitif) terhadap povidone-iodine atau sebarang bahan yang terkandung dalam ubat ini.
- Tidak boleh digunakan pada permukaan kulit mengelupas.

-Sebelum mula menggunakan

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda hamil atau sedang menyusukan anak.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Povidin Solution

-Berapa banyak harus digunakan

Sapu pada kulit yang mengalami jangkitan dengan kain atau kapas bersih.

-Bila perlu digunakan

Gunakan dua kali sehari atau seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

-Berapa lama perlu digunakan

Berdasarkan nasihat doktor atau ahli farmasi. Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil ubat ini untuk tempoh masa yang lebih panjang.

-Jika terlupa menggunakannya

Guna secepat mungkin sebaik sahaja anda teringat. Dos seterusnya diguna mengikut masa yang telah ditetapkan.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Penggunaan yang berlebihan terutamanya di kawasan kulit yang luka boleh menyebabkan penyerapan iodine berlebihan. Simptom yang mungkin dialami termasuk badan menghasilkan acid berlebihan (*metabolic acidosis*), parasodium dalam darah meningkat (*hypermotremia*) dan gangguan buah pinggang.

Dapatkan rawatan perubatan dengan segera jika anda terguna secara berlebihan atau bimbang dengan keadaan yang dialami.

Semasa menggunakan Povidin Solution

-Perkara yang perlu dilakukan

Sentiasa cuci tangan sebelum dan selepas menggunakan larutan ini.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Larutan pekat ini hanya digunakan pada kulit sahaja.
- Tidak boleh dimakan.
- Tidak boleh digunakan untuk jangka masa yang lama pada bayi baru lahir (usia kurang dari 4 minggu)
- Jangan ambil ubat ini tanpa nasihat doktor atau ahli farmasi.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera. Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

Kesan-kesan sampingan

Ubat ini boleh menyebabkan keradangan dan alahan.

Dapatkan rawatan perubatan dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan atau masalah alahan.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835549, atau laman web npra.moh.gov.my [Orang Awam → Laporan Kesan Sampingan Ubat (ConSERF) atau Vaksin (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Povidin Solution

-Penyimpanan

Simpan di bawah 30°C.

Jauhi dari kanak-kanak.

Jangan ambil ubat ini selepas tarikh luput.

-Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Cecair berwarna coklat.

-Bahan-bahan kandungan

-Bahan aktif

Povidone-Iodine

-Bahan tidak aktif

Citric Acid Anhydrous, Disodium Hydrogen Phosphate 12-Hydrate, Purified Water, Nonoxinol 10, Polyethylene Glycol 400.

-Nombor MAL

MAL19920866XZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Xepa-Soul Pattinson (Malaysia) Sdn Bhd
1-5 Cheng Industrial Estate,
75250 Melaka, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

18/05/2018

Nombor siri

NPRA(R4/1)170518/00158